



مجلس بلدية آلور ستار
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR



GARIS PANDUAN

PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN (LESEN KOMPOSIT)

MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR



DISEDIAKAN OLEH:

BAHAGIAN PELESENAN
JABATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

BILA DIKUATKUASA/EDISI GARIS PANDUAN

APRIL 2021





MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

Pengenalan / Latar Belakang

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memudahkan cara serta memberi panduan kepada masyarakat khususnya golongan peniaga dalam proses permohonan lesen premis perniagaan mengikut peraturan dan standard yang ditetapkan.

Bahagian Pelesenan berperanan untuk melesenkan perniagaan di keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Alor Setar.

Punca Kuasa

PERUNDANGAN : AKTA ENKEMEN / ORDINAN / PERATURAN / KAEDAH / UNDANG UNDANG KECIL.

- AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)
- UNDANG UNDANG KECIL PELESENAN PREMIS TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MBAS) 2010
- UNDANG UNDANG KECIL PELESENAN ESTABLISHMENT MAKANAN (MPKS) 1989
- UNDANG UNDANG KECIL IKLAN (MBAS) 2010
- UNDANG UNDANG KECIL HOTEL (MBAS) 2010
- UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT KECANTIKAN DAN PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN (PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH 2019)
- UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING (MBAS) 2011

Objektif Pelesenan

- Melesenkan semua jenis di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Alor Setar
- Mengawal aktiviti perniagaan supaya selaras dengan kehendak undang-undang

Maklumat Pegawai / Jabatan Untuk Dihubungi

**BAHAGIAN PELESENAN
JABATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN, MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR.**

**ARAS 2, BANGGUNAN UTC
JALAN KOLAM AIR, 05675 ALOR SETAR
KEDAH DARULAMAN
TEL : 04-7330867 (887), 04-7351861**





Skop Pelesenan

Jenis-jenis lesen yang dikeluarkan oleh bahagian pelesenan majlis bandaraya alor setar adalah seperti berikut:

Lesen Tred, Perniagaan Dan Perindustrian

Semua jenis premis tred, perniagaan, perindustrian, perusahaan, perkhidmatan, pengajian, pendidikan, hiburan, kewangan, dan pelancongan.

Lesen Iklan

Iklan merujuk kepada pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda tunjuk arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bagi maksud memberitahu orang ramai mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, perdagangan, perniagaan, profession, firma, pertubuhan, organisasi, institusi, tempat, premis, acara, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain.

Iklan Ini Termasuklah Yang Dipamerkan Di Dinding Adang, Papan, Papan Iklan, Sepanduk, Atap Dinding, Pagar Pancang, Pagar, Rangka, Plet, Kain, Jeriji, Tiang, Dawai, Bingkai, Kenderaan, Papan Elektronik, Hologram, Menara Setiang Atau Dengan Menggunakan Cahaya Laser Atau Apa-Apa Struktur Atau Rekaan Lain Atau Mana-Mana Bahagian Struktur Atau Rekaan Lain Itu,

Iklan Juga Merangkumi Yang Terletak Di Atas Dan Di Dalam Bangunan, Jalan, Tempat Peranginan Awam Atau Mana-Mana Tanah Dan Termasuklah Tanda Langit, Belon, Banting, Sepanduk, Poster, Tanda Arah dan Papan Tanda.

Lesen Kedai Kopi Kedai Makan

Semua jenis premis seperti kedai kopi, kedai makanan dan minuman, restoran, kafe dan kantin yang menjual makanan.

Lesen Establishmen Makanan

Semua jenis premis yang menyediakan, mengilang, membungkus, menyimpan bahan makanan.

Lesen Hotel Dan Rumah Tumpangan

Semua jenis rumah tumpangan dan hotel.

Lesen Anjing

Lesen Rumah Pembiakan Anjing

Lesen Billboard





Syarat Asas Permohonan

Pemohon hendaklah warganegara malaysia yang berumur 18 tahun ke atas. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan lesen komposit. Pemohon dikehendaki mengisi borang permohonan dengan lengkap dan menyertakan dokumen asas dan dokumen tambahan jika berkaitan.

Bagi Syarikat Sdn Bhd / Berhad, pemohon mestilah salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah yang mana nama tersebut terdapat di dalam Borang 49.

Bagi Perniagaan Tunggal / Perkongsian, pemohon mestilah rakan kongsi utama atau rakan kongsi yang mana nama tersebut terdapat dalam borang A atau borang B atau yang setaraf.

Bagi Pertubuhan/Persatuan/Kesatuan/Institusi Percetakan/Koperasi, pemohon mestilah individu yang memegang jawatan tertinggi dalam badan/organisasi tersebut.

Borang permohonan hendaklah diserahkan di kaunter Bahagian Pelesenan. Hanya permohonan yang lengkap sahaja yang akan diterima dan diproses.

Bila Perlu Dipohon

Permohonan lesen hendaklah dikemukakan dan mendapat kelulusan sebelum memulakan operasi perniagaan

Kaedah Permohonan

Pemohon hendaklah hadir sendiri ke Bahagian Pelesenan Majlis Bandaraya Alor Setar untuk mendapatkan borang permohonan lesen.

Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan daripada Portal Rasmi Majlis Bandaraya Alor Setar di pautan <https://pbt.kedah.gov.my/index.php/pelesenanmbas/>

Borang permohonan dan dokumen yang lengkap hendaklah diserahkan di kaunter Bahagian Pelesenan. Pemohon akan diberikan akuan penerimaan permohonan sebagai rujukan.

Piagam Pelanggan (Proses Kerja Utama Dan Tempoh Pemprosesan)

Permohonan Lesen Komposit ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu Lesen Berisiko dan Lesen Tidak Berisiko.

Lesen Kategori Berisiko

- Tempoh pemprosesan lesen adalah 30 hari waktu bekerja

Lesen Kategori Tidak Berisiko

- Tempoh pemprosesan lesen 24 jam



Keperluan Pematuhan Sebelum Permohonan

Pemohon hendaklah menyediakan dokumen asas dan dokumen tambahan (yang berkaitan) sebelum permohonan dibuat.

BIL	DOKUMEN ASAS YANG PERLU DISERTAKAN
1.	Salinan kad pengenalan pemohon.
2.	Foto pemohon berukuran passport yang terkini (3 keping).
3.	Salinan Daftar Perniagaan (SSM) / Memorandum Syarikat (Form 9, 24,49).
4.	Salinan Perjanjian Jualbeli / salinan perjanjian sewa bangunan diantara pemilik bangunan dan penyewa yang dimatikan setem.
5.	Salinan bil cukai pintu yang terkini
6.	Salinan resit pembelian alat pemadam api (dikeluarkan oleh Jabatan Bomba).
7.	Salinan resit pembelian peti kecemasan
8.	Gambar premis perniagaan (Luar dan dalam).
9.	Plan ukuran ruang lantai premis perniagaan.
10.	Plan lokasi premis.
11.	Foto / lakaran setiap papan iklan dan lokasi papan iklan akan dipamerkan.
12.	Plan struktur daripada Jurutera / Arkitek bertauliah baik iklan yang melebihi 11 meter persegi (Sekiranya berkaitan)
13.	Bangunan hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan Kawalan Bangunan MBAS (Salinan permit kelulusan bangunan dari Jabatan Kawalan Bangunan) (Sekiranya berkaitan)
14.	Bangunan hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan Perancang (Salinan Kebenaran Merancang / Kebenaran Merancang Terhadap dari Jabatan Perancang) (Sekiranya berkaitan)
15.	Dokumen-dokumen sokongan (Lampiran A)





Dokumen Tambahan Diperlukan Sekiranya Melibatkan Aktiviti Perniagaan Seperti Berikut :

MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

BIL.	AKTIVITI PERNIAGAAN	DOKUMEN TAMBAHAN YANG PERLU DISERTAKAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN
1.	Pusat Snooker / Billiard / Mesin Video Dewan Muzik / Pusat Hiburan Keluarga / Bowling Pub/Bar/Lounge/Karaoke/Disko	Salinan Lesen Hiburan Awam Dari Pejabat Daerah
2.	Rumah Bir Jual / Menyimpan Minuman Keras (Borong / Runcit)	Kelulusan Setiausaha Kerajaan Tempatan (SUK)
3.	Kedai Tuak	Pejabat Kastam
4.	Lesen Pameran Kereta Terpakai Lesen Menyimpan Barang Buruk / Terpakai	Salinan Permit Barang Lusuh / Terpakai Dari Ibu Pejabat Polis
5.	Sekolah Persendirian (Tadika / Pusat Tuisyen / Pusat Komputer / Pusat Bahasa / Pusat Kemahiran / Kelas Perdagangan dan lain-lain aktiviti di bawah Akta Pelajaran)	Perakuan Pendaftaran dari Unit Pendidikan Swasta, Jabatan Pelajaran
6.	Taska Pusat Jagaan Kanak-kanak	Pendaftaran Taska dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Salinan sijil kursus pengendalian makanan Salinan kad suntikan TY2 Sijil Halal daripada JAKIM (jika perlu)
8.	Pengurup Wang Berlesen	Gabenor Bank Negara
9.	Pemberi Pinjam Wang Berlesen Kedai Pajak Gadai	Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
10.	Servis & Membekal Alat Pemadam Api Menyimpan Gas Petroleum Cecair Menyimpan Petroleum (Skid Tank) Menyimpan Minyak Merbahaya Menyimpan Minyak Tidak Merbahaya Menyetor Gas	Kebenaran daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sokongan Bomba
11.	Kedai Keranda	Sokongan Jiran
12.	Percetakan	Kebenaran / lesen daripada Kementerian Dalam Negeri
13.	Restoran Kedai makanan Hotel	Senarai nama / maklumat pekerja Salinan kad suntikan TY2 (pemohon dan pekerja) Salinan sijil kursus pengendalian makanan (pemohon dan pekerja) Gambar perangkap minyak yang dipasang dengan sempurna Salinan fosim Domestik (Pendaftaran dengan Kementerian Kesihatan Malaysia)





Dokumen Tambahan Diperlukan Sekiranya Melibatkan Aktiviti Perniagaan Seperti Berikut :

مجلس بلدية آلو ستر
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

BIL.	AKTIVITI PERNIAGAAN	DOKUMEN TAMBAHAN YANG PERLU DISERTAKAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN
14.	Salun kecantikan Kedai gunting	Laporan pemeriksaan kesihatan
15.	Barang lusuh	Lesen barang lusuh daripada Ibu Pejabat Polis
16.	Video / VCD	Sijil FINAS Kebenaran / surat sokongan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.
17.	Penternakan burung walet	Salinan kursus perusahaan sarang burung walet. Surat sokongan daripada jabatan-jabatan teknikal; <input checked="" type="checkbox"/> Jabatan Bomba <input checked="" type="checkbox"/> Jabatan Perkhidmatan Veterinar
18.	Perusahaan burung walet	Surat sokongan daripada jabatan-jabatan teknikal; <input checked="" type="checkbox"/> Jabatan Bomba <input checked="" type="checkbox"/> Jabatan Perkhidmatan Veterinar <input checked="" type="checkbox"/> Jabatan Kesihatan
19.	Kilang beras / kedai menjual beras	Salinan lesen runcit bagi kawalan padi dan beras daripada Kementerian Pertanian.
20.	Refleksologi / Rumahurut / SPA	Surat sokongan daripada jabatan-jabatan teknikal; <input checked="" type="checkbox"/> Kementerian Pelancongan <input checked="" type="checkbox"/> Jabatan Imegresen (jika perlu)
21.	Dobi	Surat kelulusan daripada Suruhanjaya Tenaga <input checked="" type="checkbox"/> ATI <input checked="" type="checkbox"/> ATO
22.	Tembakau (Kilang/gudang/ simpanan)	Surat kelulusan daripada Jabatan Kastam dan KPDNHEP
23.	Pusat Renang	Surat sokongan daripada Pejabat Kesihatan Daerah
24.	Kedai Haiwan Eksotik	Surat kelulusan daripada Jabatan Perhilitan






Langkah Langkah Permohonan (Termasuk Carta Alir (Flow Chat))

MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR


Carta Alir Permohonan Lesen Berisiko (30 Hari Bekerja)





Langkah Langkah Permohonan (Termasuk Carta Alir (Flow Chat))

Lesen Tidak Berisiko (1 Hari Bekerja /24 Jam)





Kaedah Maklumat Keputusan Permohonan / Output Yang Dikeluarkan Kepada Pemohon

Pemohon akan dihubungi melalui panggilan telefon dan disusuli surat rasmi yang dikeluarkan daripada Bahagian Pelesenan Majlis Bandaraya Alor Setar.

Maklumat Pembaharuan / Pindaan / Pembatalan (Jika Berkaitan)

Pelesen hendaklah hadir ke Bahagian Pelesenan pada atau sebelum tarikh tamat lesen untuk memperbaharui lesen. Tarikh tamat lesen dicatatkan di bahagian belakang kad lesen.

Pelesen hendaklah memaklumkan kepada Bahagian Pelesenan sekiranya terdapat pindaan kepada maklumat pelesenan.

Sekiranya perniagaan ingin ditamatkan, pelesen dikehendaki membuat pembatalan lesen di Bahagian Pelesenan dengan mengisi borang pembatalan. Sila kepilkan bersama kad lesen.

Rujukan Berkaitan

- AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)
- UNDANG UNDANG KECIL PELESENAN ESTABLISHMENT MAKANAN (MPKS) 1989
- UNDANG UNDANG KECIL IKLAN (MBAS) 2010
- UNDANG UNDANG KECIL PELESENAN PREMIS TRED,PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MBAS) 2010
- UNDANG UNDANG KECIL HOTEL (MBAS) 2010
- UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT KECANTIKAN DAN PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN (PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2019
- UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING (MBAS) 2011

